



## KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

### KENYATAAN MEDIA

#### INISIATIF PEMATUHAN PENGINAPAN PEKERJA

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengambil beberapa inisiatif berhubung pematuhan penginapan pekerja di seluruh negara bagi mengawal penularan wabak COVID-19 secara menyeluruh dan berkesan.
2. Inisiatif pertama adalah **penggubalan Ordinan Darurat (Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja) (Pindaan) 2021** yang telah diwartakan pada 17 Februari 2021.
3. Ordinan Darurat ini mengandungi objektif antaranya termasuklah:
  - a) memperluas pemakaian Akta 446 kepada Sabah dan Sarawak;
  - b) memberi kuasa kepada Ketua Pengarah JTKSM untuk mengeluarkan arahan kepada pemilik penginapan untuk mengganti, mengubah atau membaik penginapan yang tidak mematuhi Akta 446, dan untuk memindahkan pekerja dengan **SERTA MERTA** dari penginapan yang sesak dan tidak sesuai didiami manusia ke penginapan sementara yang ditetapkan oleh Jabatan.

Dalam hal ini, pemilik penginapan akan menanggung semua kos pengangkutan dari penginapan asal ke penginapan sementara, pengangkutan pergi balik ke tempat kerja dan penginapan sementara dan kos sewaan penginapan sementara. Pemilik penginapan yang gagal mematuhi arahan ini boleh didenda RM200,000 atau penjara sehingga 3 tahun atau kedua-duanya.

- c) Memberi kuasa kepada Menteri Sumber Manusia untuk membuat penurunan kuasa Akta 446 kepada pegawai daripada agensi lain.
4. Inisiatif kedua pula adalah melalui penggubalan dua Peraturan baharu di bawah Akta 446 iaitu:
  - a) **Peraturan-peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja (Pekerja Yang Dikehendaki Disediakan Penginapan) 2021** yang mewajibkan majikan untuk menyediakan penginapan bagi semua pekerja asing yang digajikan, kecuali pembantu rumah; dan

- b) **Peraturan-peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja (Pengkompaunan Kesalahan) 2021** yang membolehkan semua kesalahan di bawah Akta 446 dikompaun.
5. KSM telah membentuk *National Task Force* Pematuhan Penginapan Pekerja yang dianggotai oleh 10 Kementerian serta agensi lain berdasarkan keperluan. Kekuatan anggota penguatkuasaan turut diperkasakan melalui pegawai daripada Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia seperti Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP), Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).
  6. Kementerian Sumber Manusia turut bekerjasama dengan Jabatan dan Agensi luar termasuklah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).
  7. KSM turut bercadang untuk membuat penurunan kuasa Akta 446 kepada pegawai-pegawai yang terlibat dalam pasukan kerja dari 6 Kementerian iaitu agensi di bawah KSM sendiri, KKR, KPDNHEP dan KDN serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI).
  8. Penguatkuasaan ini mengutamakan 75,000 majikan yang menggajikan pekerja asing dengan tumpuan kepada 3 negeri dengan bilangan pekerja asing tertinggi iaitu Selangor, Johor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta 3 sektor dengan kes positif tertinggi iaitu Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan.
  9. KSM melalui JTK juga telah bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dalam penyediaan senarai penginapan sementara bagi pekerja yang dipindahkan dari penginapan asal yang tidak menepati standard Akta 446. Penginapan sementara ini merangkumi penginapan berpusat (*centralised labour quarters* – CLQ) yang telah diperakukan JTK serta hotel-hotel yang berdaftar dengan MOTAC. Pakej penginapan sementara ini akan melibatkan kos sewaan sebanyak RM200 dan kos utiliti sebanyak RM20 sebulan bagi setiap pekerja yang akan ditanggung pemilik penginapan.
  10. Penyelarasan turut dibuat bersama Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) bagi mendapatkan senarai operator bas yang akan menyediakan perkhidmatan pengangkutan bagi pekerja yang dipindahkan dari penempatan asal ke penempatan sementara serta pengangkutan pergi balik pekerja ke tempat kerja. Kos pengangkutan ini dianggarkan sebanyak RM50 sebulan bagi setiap pekerja dan ditanggung pemilik penginapan.

11. Sesi libat urus dengan industri akan dijalankan secara berterusan oleh semua Kementerian dan agensi terlibat terutamanya melalui 6 Jawatankuasa *Task Force* Pematuhan Perundangan dan Dasar Perburuhan yang telah ditubuhkan oleh JTK melibatkan persatuan-persatuan dari industri berikut:
  - a) Pembuatan Berasaskan Getah;
  - b) Pembuatan Perabot;
  - c) Pembuatan Barangan Elektrik dan Elektronik;
  - d) Perladangan;
  - e) Pembinaan; dan
  - f) Perkhidmatan Restoran & Pembersihan.
12. Pelan jangka masa panjang KSM dalam memastikan pematuhan penginapan pekerja adalah dengan menggalakkan pembinaan penginapan berpusat yang memenuhi syarat dan keperluan Akta 446 serta mendapat Perakuan Penginapan daripada JTK. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan turut bekerjasama dengan mempercepatkan proses kelulusan yang berkaitan pembinaan penginapan berpusat termasuk memberi kelonggaran kebenaran kepada pembangunan penginapan berpusat di kawasan kediaman.
13. Kerajaan juga telah memutuskan untuk menanggung sepenuhnya kos imunisasi vaksin COVID-19 kepada bukan warganegara termasuk pekerja asing yang memegang pas lawatan kerja sementara. Ini penting bagi memastikan risiko penularan COVID-19 dalam kalangan pekerja asing adalah terkawal memandangkan kluster pekerja asing adalah antara penyumbang terbesar yang perlu dibendung bagi memutuskan penularan pandemik ini.
14. Mana-mana majikan yang gagal memastikan pekerja asing atau pekerjanya yang tinggal di penginapan yang disediakan oleh majikan menjalani vaksinasi COVID-19 adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446].

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
PUTRAJAYA  
18 FEBRUARI 2021**

## LAMPIRAN 1

Senarai 10 Kementerian dan agensi ini adalah:

- a) Kementerian Sumber Manusia
- b) Kementerian Dalam Negeri
- c) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
- d) Kementerian Kerja Raya
- e) Kem.Pertanian & Industri Makanan
- f) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
- g) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
- h) Kementerian Perusahaan, Perladangan & Komoditi
- i) Kemementerian Pelancongan, Seni & Budaya
- j) Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM)